

# BIO TEST

Your reliable home test kits series

## Ujian Kehamilan (midstream)




0459

Kod Produk 9 555223 208012  
Untuk kegunaan ujian *in-vitro* sahaja.  
Simpan antara suhu 2-30°C

### TUJUAN KEGUNAAN

Ujian Kehamilan BIOTEST (Air Kencing) adalah berdasarkan sistem *rapid chromatographic immunoassay* untuk mengesan kehadiran hormon *human chorionic gonadotropin (hCG)* dalam air kencing untuk mengenal pasti kehamilan.

### ARAHAN



#### Langkah 1:

- Baca arahan dengan teliti sebelum melakukan ujian.
- Sebaik-baiknya, lakukan ujian pada waktu pagi kerana air kencing pertama mengandungi hormon hCG yang paling tinggi.
- Pastikan foil alat penguji tidak terbuka. Kemudian buka foil.

#### Langkah 2:

- Tanggalkan penutup dari alat penguji.

#### Langkah 3:

- Pegang alat penguji dengan menghala buntul penyerap di bawah saluran air kencing selama 10 saat sehingga ia basah.  
(NOTA : Jangan menghala Tingkap Keputusan dibawah saluran air kencing. Anda juga boleh mengumpul air kencing dalam bekas yang bersih dan kering, kemudian celupkan buntul penyerap dalam air kencing selama 10 saat.)
- Anda boleh menutup kembali buntul penyerap, namun ia tidak akan mempengaruhi keputusan.

#### Langkah 4:

- Letakkan alat penguji atas permukaan rata dengan tingkap keputusan menghala keatas. Anda akan dapat melihat warna merah jambu bergerak dalam tingkap keputusan menandakan ujian sedang berlaku.

#### Langkah 5:

- Baca keputusan dalam jangka 5 minit. Perhatikan garisan yang muncul dalam tingkap keputusan.
- Jangan baca keputusan selepas 5 minit.

### KEPUTUSAN



#### HAMIL

##### Keputusan Positif : 2 garisan.

Kehadiran 2 garisan merah dalam tingkap keputusan menandakan anda besar kemungkinan hamil. Kedua-dua garisan tidak semestinya sama jelas. Jumpa doktor untuk mengesahkan keputusan.



#### TIDAK HAMIL

##### Keputusan Negatif : 1 garisan in bahagian (C).

Kehadiran 1 garisan di bahagian C bermakna anda tidak hamil.



#### TIDAK SAH

##### Keputusan tidak sah : Tiada garisan atau 1 garisan di bahagian (T).

Keputusan adalah tidak sah sekiranya tiada garisan yang muncul di bahagian (C), walaupun jika garisan muncul dibahagian (T). Sila lakukan ujian dengan alat penguji yang baru.

### AMARAN

1. Jangan menggunakan alat penguji yang telah melepasi tarikh lupus.
2. Sekiranya foil tidak ditutup dengan baik, jangan gunakan alat penguji.
3. Lakukan ujian di tempat yang terang.
4. Gunakan alat penguji serta-merta selepas membuka foil.
5. Jangan sentuh bahagian tingkat keputusan. Ini akan mempengaruhi keputusan dan adalah berbahaya.
6. Bekas foil mengandungi satu pek gel silika untuk menyerap kelembapan. Jangan membuka pek. Buang pek bersama alat penguji.
7. Selepas melakukan ujian, buang kesemua bahan yang telah digunakan kedalam bakul sampah. Cuci tangan dengan segera.

### KANDUNGAN

- Alat Penguji
- Desiccant / Gel Silika
- Surat penerangan

### MAKNA KEPUTUSAN

Keputusan positif menandakan bahawa air kencing anda mengandungi hormon hCG dimana kepekannya adalah sama atau lebih daripada 25mIU/ml iaitu kepekaan alat penguji ini. Anda boleh dianggap sebagai hamil. Namun, dapatkan nasihat doktor yang akan dapat memberi petunjuk seterusnya. Sekiranya anda sedang memakan sebarang ubat, beritahu doktor dengan segera untuk memastikan ia tidak membahayakan bayi.

Sekiranya keputusan adalah negatif, ia bermakna tiada hormon hCG yang dikesan dalam air kencing dan anda boleh dianggap tidak hamil. Sekiranya haid anda masih tidak datang selepas 1 minggu, lakukan ujian sekali lagi. Jika ujian masih negatif, anda tidak hamil. Namun kelewatan haid mungkin disebabkan oleh keadaan kesihatan yang lain dan anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor segera.

Sekiranya kitaran haid anda tidak tepat, ia mungkin sukar untuk mengenal pasti bila anda lewat. Jika keputusan anda negatif dan haid anda masih lewat selepas beberapa hari, lakukan ujian sekali lagi. Anda mungkin tersalah mengira kitaran haid anda.

### HAD ALAT PENGUJI

Alat penguji hanya boleh digunakan sekali sahaja dan pastikan arahan diikuti dengan tepat. Walaupun alat penguji ini adalah peka dan tepat, namun kemungkinan keputusan yang tidak benar masih boleh wujud. Dapatkan nasihat doktor sekiranya anda dapati keputusan tidak tepat. Sesetengah keadaan kesihatan juga mungkin mempengaruhi keputusan alat penguji ini.

### SOALAN LAZIM & JAWAPAN

S. Bagaimana alat penguji ini berfungsi?

J. Apabila wanita hamil, badannya akan mengeluarkan sejenis hormon yang dikenali sebagai hCG (human Chorionic Gonadotropin). Hormon ini boleh dikesan dalam air kencing seawal hari pertama kelewatan haid. Keputusan positif bermakna terdapat kehadiran hCG dalam air kencing dan anda boleh dianggap sebagai hamil. Keputusan negatif bermakna tiada kesan hCG dan anda dianggap tidak hamil.

S. Jika satu garisan lebih cerah daripada garisan yang kedua, adakah saya masih hamil?

J. Ya, anda boleh dianggap hamil.

S. Bolehkah keputusan bertukar?

J. Keputusan positif tidak akan bertukar walaupun selepas beberapa jam. Namun keputusan negatif tidak harus dibaca kembali selepas 10 minit.

S. Apa yang harus saya lakukan sekiranya keputusan adalah negatif tetapi saya syaki saya hamil?

J. Anda mungkin tersilap mengira kitaran haid. Jika haid tidak datang selepas 1 minggu, lakukan ujian sekali lagi. Jika keputusan masih negatif, jumpa dengan doktor untuk mendapatkan nasihat selanjutnya.

S. Bagaimana jika saya tidak pasti dengan garisan di bahagian T?

J. Lakukan ujian sekali lagi selepas 3 hari dengan menggunakan alat penguji yang baru.

IFU-BT-HCG-M.v3.2014

Dikilang oleh Atlas Medical  
William James House, Cowley Road, Cambridge, CB4 0WX, UK  
BIOTEST adalah hak-milik Bio-gro Sdn Bhd  
[www.bio-test.info](http://www.bio-test.info)